



45 pelajar program UMP-BJTU tajaan JPA ke China

Oleh [Asrol Awang](#) - Februari 13, 2023 @ 7:15pm
bhnews@bh.com.my



Seramai 45 pelajar Program Ijazah Dual Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Beijing Jiaotong University (BJTU) China menyambung pengajian ke China. - Foto UMP

KUANTAN: Seramai 45 pelajar Program Ijazah Dual Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Beijing Jiaotong University (BJTU) China menyambung pengajian ke China, hari ini.

Daripada 45 pelajar, seramai 10 pelajar akan mengikuti pengajian dalam bidang Kejuruteraan Elektrikal dan Elektronik manakala 20 pelajar (Kejuruteraan Mekanikal) dan 15 pelajar (Kejuruteraan Awam).

Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Yuserrie Zainuddin, berkata mereka menyambung pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda selama dua tahun.

Katanya, semua pelajar bidang kejuruteraan yang bakal menyumbang terhadap pembangunan industri rel negara adalah pelajar perintis bagi program kerjasama ijazah dual selepas mengikuti pengajian selama dua setengah tahun di UMP.

"Sesi pengajian semester pertama di China akan bermula bulan ini pada setiap tahun," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata, UMP menghargai sokongan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Duta Besar China di Malaysia hasil kerjasama dengan universiti dari China.

"Selain itu, UMP turut terbabit kerjasama lain dengan universiti di China termasuk program ijazah dual dengan Universiti Tianjin (TJU) serta program kerjasama dengan Universiti Ningxia (NXU)," katanya.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof Dr Mohd Ruslim Mohamed yang menjalankan fungsi Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) mendoakan semua pelajar beroleh kejayaan.

"Ambil peluang ini untuk belajar dan selami cara pemikiran masyarakat di sana sehingga mereka menjadi sebuah negara yang gah dalam bidang teknologi," katanya.

Selain China, program ijazah dual UMP hasil kerjasama dengan universiti di Jerman sejak 12 tahun lalu bersama Karlsruhe University of Applied Sciences (HKA) dalam kejuruteraan mekatronik, automotif dan elektrikal.

Hasil daripada kerjasama itu ia melahirkan graduan yang kompeten yang menyumbang kepada pembangunan negara.

Ia termasuk program kejuruteraan perniagaan akan bersama dengan rakan baharu dari Mannheim University of Applied Sciences (HMA).